

BANK ISLAM PERUNTUK LEBIH RM2.2 JUTA UNTUK IMARAH RAMADAN 2026

*Pelbagai aktiviti diatur bagi menyemarakkan keberkatan dan menyokong
kesejahteraan peniaga dan masyarakat*

KUALA LUMPUR, Isnin, [2 Mac 2026]: Bank Islam (Bank Islam atau Bank) memperuntukkan lebih RM2.2 juta bagi aktiviti dan inisiatif mengimarahkan Ramadan dengan menggabungkan teknologi, kebajikan dan nilai ihsan bagi memastikan keberkatan bulan mulia ini dirasakan lebih ramai penerima di seluruh negara.

Menerusi inisiatif istimewa, Jom Cari Lailatul Qadar, orang ramai dapat bersedekah dengan mudah sepanjang Ramadan ini menerusi aplikasi BIMB Mobile.

Memanfaatkan teknologi digital terkini bersama agenda kebajikan dan rangkuman kewangan, kempen ini diadakan sehingga 20 Mac 2026. Ia membolehkan pelanggan beramal secara konsisten melalui penetapan amaun untuk disumbangkan secara berjadual kepada organisasi pilihan yang tersenarai termasuk Sadaqa House, masjid, rumah kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Pelanggan boleh menetapkan sedekah tersebut dibuat secara harian atau pada 10 hari terakhir Ramadan.

Menurut Pegawai Bertanggungjawab dan Pegawai Perniagaan Kumpulan Bank Islam – Perbankan Runcit, Mizan Masram, kempen Jom Cari Lailatul Qadar dianjurkan sebagai salah satu cara membolehkan orang ramai beramal dan bersedekah kepada badan-badan pilihan dengan mudah, lancar dan selamat, terutamanya di bulan Ramadan.

“Memasuki edisi ketiga, kempen ini menerima sambutan yang amat memberangsangkan. Pada tahun 2025, Jom Cari Lailatul Qadar berjaya menyalurkan lebih RM2 juta untuk kebajikan penerima manfaat, satu peningkatan ketara berbanding sekitar RM161,000 pada tahun sebelumnya. Kenaikan ini jelas mencerminkan kesedaran, keprihatinan dan semangat memberi dalam kalangan masyarakat.

“Selaras aspirasi transformasi digital Bank Islam, kami komited untuk menyediakan platform beramal yang lebih mudah, selamat dan efisien, membolehkan pelanggan berkongsi rezeki mereka secara langsung kepada penerima yang memerlukan, khususnya dalam bulan yang penuh keberkatan ini. Kami percaya setiap sumbangan yang disalurkan bukan sahaja meringankan beban penerima tetapi juga menyemarakkan nilai ihsan sesama insan,” katanya.

Bersempena Ramadan ini, Bank Islam melalui aplikasi BIMB Mobile turut menyokong pertumbuhan ekonomi setempat dengan menaja empat bazar Ramadan utama yang melibatkan lebih 800 peniaga, termasuk Bazar Ramadan Santai Bandar Tasik Puteri (BTP), Rawang, Selangor, yang diiktiraf sebagai Bazar Terpanjang di Malaysia 2026, melalui kerjasama Majlis Perbandaran Selayang dan Kumpulan Low Yat. Selain itu, Bank Islam turut menaja Festival Ramadan Putrajaya bersama Perbadanan Putrajaya, Bazar Ramadan Sibul, Sarawak dan Bazar Ramadan Ipoh bersama Majlis Perbandaran Ipoh, Perak.

“Tajaan ini bukan sahaja bertujuan untuk menghidupkan suasana kemeriahan Ramadan, malah memudahkan urusan niaga antara pelanggan dan peniaga dengan menggalakkan penggunaan aplikasi BIMB Biz dan kemudahan *Payment to Voice* yang membenarkan notifikasi suara pembayaran dibuat secara tanpa tunai pada waktu sebenar pada peranti sedia ada peniaga.

“Lebih utama, bagi peniaga yang menggunakan aplikasi BIMB Biz, ia akan memudahkan urusan perbankan perniagaan mereka seperti kutipan pembayaran pelanggan melalui QR DuitNow, pengurusan akaun dan semakan rekod transaksi secara telus, teratur dan cekap. Data transaksi yang dicatat juga membantu peniaga membina sejarah kredit yang kukuh, membuka lebih banyak peluang kepada akses perbankan pada masa depan,” jelas Mizan.

Meneruskan tradisi berkongsi rezeki pada setiap Ramadan, Bank Islam terus melaksanakan tanggungjawabnya sebagai warga korporat yang prihatin dengan penganjuran program komuniti berskala besar yang merangkumi bantuan makanan, aktiviti keagamaan dan sokongan sosial.

Antaranya, *Ramadan Fest @ SWADD*, yang bertujuan menyediakan sajian berbuka puasa secara percuma kepada warga kota dan komuniti sekitarnya. Memasuki tahun ke-12 penganjuran, Bank Islam bersama Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadaboy (SWADD) menyediakan khemah-khemah khas yang menyediakan juadah berbuka puasa pada setiap hari bekerja, memberi manfaat kepada lebih 500 warga kota termasuk jemaah, pekerja, dan penduduk setempat.

Selain memenuhi keperluan harian mereka, inisiatif ini turut memperkukuh pengisian rohani menerusi program berterusan seperti Kuliah Zohor harian, solat Tarawih, Qiamullail Perdana serta Kutipan Zakat Fitrh. Pendekatan menyeluruh ini mencerminkan komitmen Bank Islam dengan kerjasama SWADD untuk menyemarakkan keberkatan Ramadan sambil menyokong kesejahteraan komuniti bandar.

Bank Islam turut menyalurkan sokongan melalui program Pek Sajian Ramadan dengan kerjasama IJN Foundation bagi manfaat ibu bapa dan penjaga pesakit pediatrik yang mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN). Bagi tahun 2026, penambahbaikan dilakukan dengan peruntukan sejumlah RM46,000 demi manfaat 200 penerima berbanding hampir RM33,800 untuk 150 penerima bagi tempoh 5 hari pada tahun lepas.

Selain itu, Bank Islam turut memperuntukkan sejumlah RM50,000 untuk menyantuni hampir 1,500 petugas media di seluruh negara.

“Bank Islam komited meneruskan usaha untuk meningkatkan pengalaman perbankan serta memenuhi keperluan kewangan pelanggan melalui penawaran produk patuh Syariah yang inovatif dan relevan. Namun, di sebalik inovasi tersebut, aspirasi kami pada Ramadan ini lebih daripada sekadar urusan perbankan. Selaras dengan prinsip ‘kemakmuran untuk semua’, kami juga menyalurkan zakat kepada golongan layak dan komuniti yang memerlukan di seluruh negara berjumlah lebih RM1.7 juta sebagai tanda komitmen berterusan Bank Islam untuk memperkukuh kesejahteraan masyarakat. Kami percaya bahawa setiap sumbangan, program dan sentuhan ihsan pada bulan mulia ini adalah peluang untuk menyebarkan kebaikan yang mampu dirasai oleh seramai mungkin penerima,” Mizan menambah.

Bagi memenuhi keperluan pelanggan sempena persiapan Aidilfitri, Bank Islam akan menyediakan perkhidmatan penukaran duit Raya dengan *fit notes* mulai minggu kedua Ramadan, dari pukul 9.30 pagi sehingga 1.00 petang di semua cawangan Semenanjung Malaysia dan 9.00 pagi sehingga 12.30 tengah hari di Malaysia Timur. **Penukaran duit Raya ini tertakluk kepada ketersediaan stok tunai di cawangan terbabit.**

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 130 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.